



Sekretariat
Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur
Aras 1, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
MALAYSIA

Tel: 603-8321 7011
Faks: 603-8321 7012
Laman Web: www.klibf.my

Ruj. Kami: KPM.MBKM.700-2/1/1 Jld.27 (61)
Tarikh: 3 April 2026

PENGETUA/ GURU BESAR SEKOLAH MENENGAH DAN SEKOLAH RENDAH

Tuan/ Puan,

JEMPUTAN KE SEMINAR PENGAWAS PUSAT SUMBER ANTARABANGSA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan kerjasama agensi perbukuan dan persatuan-persatuan perbukuan akan menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur Tahun 2026 (PBAKL 2026) bermula pada 29 Mei hingga 7 Jun 2026, bertempat di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.

3. Untuk makluman tuan/puan, PBAKL 2026 adalah acara utama MBKM dan industri perbukuan di Malaysia. Pelbagai aktiviti telah dirangka dan dirancang dengan teratur agar acara ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

4. Sehubungan itu, Pertubuhan Guru Perpustakaan dan Media Malaysia (PGPMM) (PPM-022-16-14122020) dengan sokongan dan kerjasama MBKM bakal menganjurkan Seminar Pengawas Pusat Sumber Antarabangsa yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:-

Kumpulan Sasaran: Sekolah Rendah

Tarikh: 1 dan 2 Jun 2026 (Isnin dan Selasa)

Kumpulan Sasaran: Sekolah Menengah

Tarikh: 3 dan 4 Jun 2026 (Rabu dan Khamis)

Masa: 10.00 pagi hingga 5.00 petang

**Tempat: Ballroom,
Hotel Seri Pasific,
41, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur**

5. Oleh yang demikian, Pengawas Pusat Sumber sekolah tuan/puan adalah dijemput untuk hadir bersama-sama Guru Perpustakaan dan Media bagi menyertai seminar tersebut. Perbelanjaan bagi perjalanan dan makan minum untuk semua peserta dan guru pengiring adalah di bawah tanggungjawab sekolah masing-masing.

6. Sekiranya ada sebarang kemusykilan dan pertanyaan, pihak tuan/ puan boleh berhubung dengan **Encik Shah Ridha bin Abdul Jalil (Naib Pengerusi PGPMM)** di talian telefon bimbit **013-7242427** untuk maklumat lanjut.

Kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan/ puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI AMIZA BINTI ABDUL AZIZ)

b.p. Pengerusi

Jawatankuasa Pengelola

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2026

s.k.:

1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
4. Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
5. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri